

Malaysia-EU perlu hidupkan semula perbincangan FTA

HAMBURG: Malaysia dan Kesatuan Eropah (EU) perlu menghidupkan semula perbincangan mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala dan integrasi serantau.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Eropah akan dapat memanfaatkan Malaysia sebagai pintu masuk ke Asia menerusi FTA,

"Kami akan mempermudahkan FTA. Eropah boleh memanfaatkan dasar pasaran terbuka yang dipermudahkan menerusi FTA ASEAN, Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP)," katanya.

Beliau berkata demikian menerusi ucapan tamanya semasa menghadiri acara *101st Ostasiatisches Liebesmahl* di Hamburg City Hall, pada Jumaat.

Ostasiatisches Liebesmahl merupakan satu daripada acara tahunan terpenting yang secara tradisinya meraikan hubungan negara itu dengan Asia yang biasanya dihadiri tokoh terkemuka dari bidang ekonomi, politik dan diplomasi.

Ketika kini, Malaysia giat menjalankan 'scoping exercise' (menilai dan mengenai pasti risiko) dengan EU untuk menentukan jurang kedudukan dan pendirian Putrajaya serta blok bagi FTA yang ditangguhkan sejak 2012.

Jelas Anwar, Malaysia bukan sahaja terbuka menerima



ANWAR Ibrahim berjabat tangan dengan Datuk Bandar Hamburg, Peter Tschentscher di Hamburg City Hall, Jerman, semalam.

perniagaan tetapi juga bersedia untuk bekerjasama dalam usaha niaga berkualiti tinggi yang sejajar dengan matlamat negara dan tanggungjawab global.

Anwar turut mengambil peluang bercakap mengenai kerangka Ekonomi Madani yang mencerminkan komitmen Malaysia ke arah menjadi ekonomi utama Asia.

Jerman adalah rakan dagang terbesar Malaysia dalam kalangan negara EU sejak 2000, manakala Malaysia merupakan rakan dagang terbesar Jerman dalam kalangan negara ASEAN.

Dalam perkembangan lain, Anwar mengingatkan waris penumpang pesawat Malaysia Airlines, MH370 agar tidak meletakkan harapan tinggi dalam usaha mencari pesawat itu yang hilang sejak 10 tahun lalu.

"Saya tidak mahu memberi mereka harapan palsu bahawa kita boleh mendapatkan jawapan.

"Tetapi saya mahu meyakinkan mereka bahawa kita sedang melakukan segala yang mungkin walaupun ia akhirnya menelan belanja 'dana yang besar,'" katanya.

Seramai 239 penumpang termasuk lebih 150 warga negara China dan 50 rakyat Malaysia menaiki pesawat berkenaan ketika ia hilang dalam penerbangan dari Kuala Lumpur ke Beijing pada 8 Mac 2014.

Sementara itu, Anwar memaklumkan Malaysia bersejua menyertai Climate Club (Kelab Iklim) iaitu sebuah forum antarabangsa untuk pekerkasaan tindakan iklim dan dekarbonisasi industri.